

Cara merekod dalam lejar manakah yang betul?

- A. Debit apabila hasil bertambah
- B. Debit apabila ekuiti pemilik bertambah
- C. Kredit apabila liabiliti bertambah
- D. Kredit apabila belanja bertambah

Jawapan :

Petikan akaun yang berkaitan diperoleh daripada Kedai Nally

Y					
2018		RM	2018		RM
Okt 31	Pul. Belian	500	Feb 15	Belian	8800
	Disk Diterima	200			

Apakah Y dalam Imbangan Duga?

	Butir	Debit RM	Kredit RM
A.	Penghutang	8,100	
B.	Penghutang		8,100
C.	Pemiutang	8,100	
D.	Pemiutang		8,100

Jawapan :

Petikan akaun yang berikut didapati daripada Lejar Kedai See Suan

Hui Zhen Trading			
2018		RM	RM
Jan 1	Baki b/b	2,800	

Apakah urusaniaga bagi menerangkan catatan di atas?

- A. Kedai See Suan berhutang RM2,800 kepada Hui Zhen Trading
- B. Hui Zhen Trading berhutang RM2,800 kepada Kedai See Suan
- C. Hui Zhen Trading membayar RM2,800 kepada Kedai See Suan
- D. Kedai See Suan membayar RM2,800 kepada Hui Zhen Trading

Jawapan :

Manakah yang benar tentang peraturan merekodkan urusaniaga ke dalam lejar?

- A. Belanja dikreditkan apabila bertambah
- B. Ekuiti pemilik didebitkan apabila bertambah
- C. Hasil dikreditkan apabila bertambah
- D. Liabiliti didebitkan apa-apa bertambah

Jawapan :

Urusniaga yang berikut diperoleh dari Kedai Perabot Kita pada 5 Mei 2010.

"Pemilik menggunakan pinjaman peribadi yang diperoleh daripada Bank Maju Berhad untuk membayar insurans kedainya"

	Debit	Kredit
A.	Ambilan	Insurans
B.	Insurans	Modal
C.	Insurans	Pinjaman
D.	Insurans	Bank Maju Berhad

Jawapan :

Nora mengeluarkan tunai dari bank perniagaan sebanyak RM600 untuk membayar premium insurans peribadinya.

Apakah catatan dalam lejar untuk urusniaga di atas?

	Debit	Kredit
A.	Akaun Insurans Peribadi	Akaun Bank
B.	Akaun Ambilan	Akaun Bank
C.	Akaun Insurans	Akaun Modal
D.	Akaun Insurans	Akaun Bank

Jawapan :

Penyataan manakah yang menerangkan fungsi Imbangan Duga?

- A. Menunjukkan prestasi perniagaan
- B. Membetulkan kesilapan
- C. Menguji ketepatan catatan bergu
- D. Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan

Jawapan :

Akaun manakah yang dicatatkan di bahagian kredit dalam Imbangan Duga?

- I. Akaun Pinjaman
 - II. Akaun Diskaun Diterima
 - III. Akaun Simpanan Tetap
 - IV. Akaun Faedah Simpanan Tetap
-
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

Jawapan :

Petikan Imbangan Duga perniagaan MNM adalah seperti berikut:

	Debit	Kredit
	RM	RM
Penghutang	3,200	
Pijaman		4,300
X		500
Angkutan masuk	600	

X mungkin merupakan

- A. Diskaun diberi
- B. Diskaun diterima
- C. Faedah overdraf
- D. Sewa

Jawapan :

Maklumat yang berikut diperolehi daripada Syarikat Emelia pada 30 Jun 2010

	RM
Modal	21,000
Overdraf	4,000
Penghutang	5,300
Pemiutang	5,300
Kenderaan	22,150
Jualan	24,000
Belian	16,000
Gaji	10,850

Hitungkan angka imbalan duga pada tarikh itu.

- A. RM55,000
- B. RM51,300
- C. RM54,300
- D. RM59,300

Jawapan :